

# PABRON COUGH KIDS SYRUP

Carbocisteine (100mg/ 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan PABRON COUGH KIDS
2. Bagaimana PABRON COUGH KIDS berfungsi
3. Sebelum mengambil PABRON COUGH KIDS
4. Cara menggunakan PABRON COUGH KIDS
5. Semasa menggunakan PABRON COUGH KIDS
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan PABRON COUGH KIDS
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang PABRON COUGH KIDS. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil PABRON COUGH KIDS berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

**Simpan risalah ini bersama ubat.**  
Anda mungkin perlu membacanya lagi.

## Apakah kegunaan PABRON COUGH KIDS

PABRON COUGH KIDS membantu ekspektorasi dengan mengurangkan kepekatan mukus dan oleh itu mencair dan menghilangkan kahak serta melegakan batuk.

## Bagaimana PABRON COUGH KIDS berfungsi

Penyediaan PABRON COUGH KIDS ini bebas daripada alkohol dan gula.

**Carbocisteine** adalah mukolitik. Ia mengubah struktur mukus dan mengurangkan kepekatanannya untuk memudahkan pembuangan kahak.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

## Sebelum mengambil PABRON COUGH KIDS

### -Bila tidak boleh mengambil

## Jangan mengambil PABRON COUGH KIDS:

- jika anda alah kepada *Carbocisteine* atau mana-mana bahan dalam ubat ini.
- Jika anda mempunyai ulser gastrik atau duodenum aktif.

### -Sebelum mula mengambil

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda:

### *Kehamilan dan Penyusuan:*

- Keselamatan penggunaan Carbocisteine semasa kehamilan dan menyusu belum dibuktikan.
- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum pengambilan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu bayi.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain (misalnya ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang

dipreskripsikan dan produk-produk herba).

Sepanjang rawatan, jangan ambil ubat-ubatan batuk lain atau apa-apa ubat yang mengeringkan rembesan saluran pernafasan.

## Cara menggunakan PABRON COUGH KIDS

### Berapa banyak harus digunakan

**Kanak-kanak berumur selepas 5 tahun:**

5ml

**Kanak-kanak berumur di bawah 5 tahun:**

2.5ml

**Jangan berikan ubat ini kepada kanak-kanak yang berumur bawah 2 tahun.**

### -Bila perlu digunakan

PABRON COUGH KIDS boleh diambil tiga kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan PABRON COUGH KIDS untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatinya. Jika ia menghampiri waktu untuk dos anda yang berikutnya, langkau dos yang terlepas dan ambil ubat seperti biasa. Jangan menggandakan pengambilan dos untuk menggantikan dos yang ketinggalan.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil terlalu banyak ubat ini, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda. Bawa sebarang baki ubat bersama anda.

**Semasa menggunakan PABRON COUGH KIDS**

Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda perlu untuk memulakan pengambilan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang mengambil PABRON COUGH KIDS.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan melainkan dibenarkan oleh doktor anda.

Jangan memberi PABRON COUGH KIDS kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, lelah, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

**Kesan-kesan sampingan**

PABRON COUGH KIDS boleh mendatangkan kesan sampingan yang tidak diingini pada segelintir orang. Semua ubat boleh mendatangkan kesan sampingan. Kadang kala ia serius, walau bagaimanapun, kebiasaannya ia tidak serius.

Hentikan pengambilan ubat ini dan rujuk kepada doktor anda dengan segera sekiranya anda mengalami sebarang kesan sampingan: loya,

ketidakselesaan perut, pendarahan gastrousus dan ruam kulit.

Ini bukan satu senarai lengkap kesan-kesan sampingan yang mungkin berlaku. Jika anda mendapati kesan lain yang tidak disenaraikan di atas, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan PABRON COUGH KIDS**

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C dan jauhi dari tempat panas.  
Jauhi daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

**Maklumat lanjut**

-Rupa dan warna

PABRON COUGH KIDS adalah sirap berwarna ungu kemerahan dengan perisa anggur hitam, boleh didapati dalam 60ml, 90ml, 100ml dan 120ml botol ambar PET.

-Bahan-bahan kandungan

**-Bahan-bahan aktif:**  
Setiap 5ml sirap mengandungi 100mg Carbocisteine.

**-Bahan-bahan tidak aktif:**  
Methyl Hydroxybenzoate, Sorbitol 70%, Propylene Glycol, Colour Powder Indigocarmine, Colour Powder Carmoisine, Flavour

Blackcurrent, Sodium Hydroxide and Purified Water.

-Nombor MAL: MAL06041436XC

**Pengilang**

Xepa-Soul Pattinson (M) Sdn Bhd  
1-5 Cheng Industrial Estate  
75250 Melaka,  
Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

08/05/2018

**Nombor Siri:**

NPRA(R4/1)070518/00140